



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

JAS MELAKSANAKAN PEMANTAUAN BERTERUSAN SUSULAN INSIDEN PENCEMARAN AIR DI ULU SUNGAI JOHOR, KOTA TINGGI, JOHOR

Jabatan Alam Sekitar (JAS) memandang serius kejadian pencemaran air Sungai Johor di kawasan Ulu Sungai Johor, Kota Tinggi, Johor yang dilaporkan pada 31 Oktober 2025 dan telah mengambil tindakan segera berdasarkan bidang kuasa di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127).

HASIL SIASATAN JABATAN ALAM SEKITAR

Siasatan segera telah dijalankan oleh pasukan JAS pada jam 11.00 pagi hari yang sama bagi mengenal pasti punca kejadian. Hasil siasatan mendapati pencemaran berpunca daripada kerosakan pada benteng silt pond di kawasan perlombongan pasir. Kerosakan benteng tersebut telah menyebabkan aliran air berlumpur mengalir secara graviti ke alur air berhampiran dan seterusnya memasuki Sungai Johor. Pihak syarikat telah mengambil tindakan awal dengan menambak semula benteng yang pecah serta menaikkan paras benteng silt pond bagi menghentikan aliran air berlumpur daripada terus memasuki sungai.

TINDAKAN PENGUATKUASAAN OLEH JABATAN ALAM SEKITAR

Berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, JAS mempunyai bidang kuasa untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang menyebabkan pelepasan bahan pencemar ke dalam alam sekeliling tanpa kebenaran.

Semakan mendapati Aktiviti pengambilan pasir ini tidak tertakluk kepada penilaian EIA kerana melibatkan kawasan kurang daripada 20 hektar. Hasil mesyuarat antara JAS Johor bersama pihak Pejabat Tanah dan Galian (PTG) serta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah menetapkan bahawa tindakan perundangan akan diambil di bawah peruntukan Enakmen PTG (Pelesenan) dan Akta SPAN yang berkenaan.

Sehubungan itu, tindakan berikut telah diambil oleh JAS:

- Mengeluarkan Field Citation (FC) kepada syarikat Hiap Aik Evergreen Sdn. Bhd. untuk mengemukakan laporan terperinci mengenai kerja-kerja penambahbaikan benteng kolam silt pond yang pecah;
- Mengeluarkan arahan supaya syarikat melaksanakan pemantauan berterusan ke atas semua silt pond yang beroperasi bagi memastikan tiada insiden pencemaran berulang;
- Melaksanakan pemantauan bersepadu di lapangan bersama agensi-agensi berkaitan seperti Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Ranhill SAJ; serta

Meneruskan siasatan terperinci dan akan mengambil tindakan lanjut termasuk pendakwaan sekiranya terdapat pelanggaran terhadap mana-mana peruntukan undang-undang di bawah Akta 127.

LANGKAH PEMULIHAN DAN TINDAKAN ANTARA AGENSI

Agensi-agensi teknikal yang terlibat juga terus menjalankan pemantauan kualiti air secara berterusan bagi memastikan tiada impak serius terhadap operasi loji rawatan air dan sumber bekalan air awam.

KOMITMEN JABATAN ALAM SEKITAR

Jabatan Alam Sekitar akan meneruskan pemantauan susulan di lokasi kejadian bagi memastikan semua tindakan penambahbaikan yang diarahkan dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak syarikat. JAS turut akan memastikan tiada lagi aliran air berlumpur atau bahan pencemar memasuki sistem sungai berhampiran selepas kerja-kerja pembaikan selesai.

Mana-mana pihak yang menyebabkan pencemaran alam sekitar boleh dikenakan tindakan tegas di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, termasuk denda sehingga RM500,000 atau penjara sehingga lima (5) tahun atau kedua-duanya sekali, bergantung kepada kesalahan. JAS juga menegaskan bahawa pengusaha aktiviti seperti perlombongan, perindustrian atau pembangunan mesti mengamalkan langkah-langkah kawalan pencemaran yang berkesan dan berterusan, terutamanya semasa musim hujan yang berisiko tinggi menyebabkan hakisan dan pelepasan sedimen ke sumber air.

Jabatan Alam Sekitar kekal komited dalam melindungi dan memulihara kualiti alam sekitar negara, khususnya sumber air yang menjadi keperluan asas rakyat. JAS akan terus memperkukuh tindakan pemantauan, penguatkuasaan serta kolaborasi rentas agensi dan kerajaan negeri bagi memastikan pengurusan aktiviti pembangunan dijalankan secara mampan dan tidak menjejaskan kesejahteraan masyarakat serta ekosistem setempat.

JABATAN ALAM SEKITAR
2 NOVEMBER 2025

